

19 September 2008 - Majlis Khatam Al-Quran

Majlis penutup bagi Tadarus Al-Quran yang berlangsung.

Masa : Selepas Solat Asar

Tempat : Masjid Al Irsyad, MMU

22 September 2008 - Usrah Wida'

Masa : Selepas Solat Tarawikh

Tempat : Akan Diberitahu Kemudian (Selepas Solat Tarawikh)



MUTIARA KATA

"Hari itu yang berlalu melahirkan seorang insan yang tak punya impian dan mimpi untuk hidup. Segala apa yang ada cuma perkiraan untuk kembali kepada tuhan, dan menanam harapan untuk bertemu dan menatap wajah DIA pada esok hari."



© 2008. SEGALA HAKCIPTA DAN PENULISAN BOLEH DITERBITKAN SEMULA. Digalakkan sama sekali menerbitkan semula dengan apa jua cara sekalipun. TERIMA KASIH. Biro Informasi & Penerbitan (Kampus Melaka), Institusi Usrah, Multimedia University, Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Melaka.

Jika ada sebarang artikel/komik yang boleh dikongsi bersama sila hantarkan kepada : Email : theraise0809@shahirmail.shahirberhad.com


1. Dimana Ramadhan Kita?
2. 9 Tips Mengelak Tekanan
3. Berfikir Sejenak
4. Isu Semasa
5. Al Quran Pembimbing Umat
6. Hadith
7. Iklan/Advertisement & Mutiara Kata

DIMANA RAMADHAN KITA?

Sungguh menghairankan.

Khabarnya dia itu sudah tertambat. Sudah diikat sepanjang Ramadhan ini. Bukan dengar-dengar, malah Nabi SAW sendiri yang memberitahu mengenainya:

Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila tiba Ramadhan, maka pintu rahmat akan dibuka, pintu neraka Jahannam akan ditutup, dan syaitan akan ditambah"



Umpamakan syaitan itu seperti anjing yang tertambat. Apakah anjing yang ditambat tidak mampu menggigit? Tentu sahaja bagi mereka yang menjauhi anjing tersebut, akan terselamat dari serangan dan gigitan. Namun, bagaimana pula dengan yang mampir kepada anjing berkenaan? Duduk bersebelahan, mengacah-acah anjing yang geram tertambat? Tidak mustahil manusia dungu ini terkena gigitan, malah gigitan itu mungkin lebih serius kerana anjing sedang kemarahan.

Apabila Ramadhan mengikat syaitan dari bebas berkeliaran, ia hanyalah proses mengurangkan potensi syaitan menghasut manusia berbuat jahat. Seperti sebutan Nabi SAW pada sepotong hadith al-Bukhari dan Muslim, "Sesungguhnya syaitan itu bergerak di dalam diri anak Adam melalui saluran darah. Maka sempitkanlah perjalanannya dengan berlapar".

Dan ketahuilah bahawa punca kejahatan manusia itu ada luar dan dalamnya. Jika anasir asingnya adalah syaitan, sumber paling berbahaya pula adalah hawa nafsunya sendiri.

"Apakah kamu tidak melihat orang yang bertuhankan hawa nafsunya sendiri?" (Al-Jaatsiyyah : 23)

Kejahatan di bulan Ramadhan adalah kejahatan tulen pilihan manusia. Hampir tiada campur tangan syaitan pada kedurhakaan dirinya. Dia yang memilih untuk jahat lagi keparat.

Sebagaimana puasa menjadi ibadah eksklusif antara hamba dan Allah Tuhannya, maka kejahatan di bulan Ramadhan juga akan dibalas secara eksklusif oleh Dia.

Hati-hati semasa melangkah. Ingatlah lorong dan liku Jalan Taqwa pesanan Ubai kepada Umar.

Sumber: www.saifulislam.com

DILARANG MEMBACA SEMASA MENDENGAR KHUTBAH JUMAAT



JADUAL WAKTU SOLAT/PRAYER TIME

IMSAK	5.35 AM	ZOHR	1.06 PM	ISYAK	8.18 PM
SUBUH	5.45 AM	ASAR	4.07 PM		
SYURUK	7.02 AM	MAGHRIB	7.10 PM		

9 TIPS UNTUK MENGELAK TEKANAN

Tekanan dalam hidup biasanya akan memberikan kesan terhadap cara seseorang membuat keputusan dan bertindak. Ia juga boleh menjejaskan mutu kerja serta keharmonian hidup seseorang. Sembilan tip berikut boleh dicuba untuk mengurangkan tekanan dalam hidup:

Kenal pasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri - Bagi mengelakkan rasa kecewa dalam menghadapi kegagalan, fahami had kemampuan anda dan bina satu matlamat yang jelas dan mampu untuk anda capai.

Berfikir terbuka - Cuba belajar untuk meluahkan atau berkongsi masalah dengan seseorang yang rapat dengan anda. Pendapat bahawa anda kuat dan boleh mendepani semua keadaan kadangkala tidak membantu menyelesaikan masalah.

Terima bantuan atau sokongan orang lain - Hargai sokongan dan bantuan yang diberikan oleh keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan ketika menghadapi masalah.

Jalinkan persahabatan - Sebagai manusia kita memerlukan rakan-rakan dan ahli keluarga. Tanpa mereka kita akan rasa kesunyian dan tersisih.

Bina kehidupan yang menarik - Hargai segala keindahan di sekeliling anda. Hidup bukan sekadar untuk survival, tetapi lebih kepada menikmati dan mensyukuri nikmat Allah.

Berani untuk lakukan apa yang anda sukai - Terima hakikat bahawa dalam hidup ini kita diberi banyak pilihan. Tetapi kadangkala kita terpaksa menerima apa yang telah ditakdirkan. Justeru bina keyakinan diri untuk menghadapi situasi ini.

Terima kegagalan dengan fikiran yang positif - Hargai hasil usaha anda walaupun ia tidaklah sehebat mana. Berjanjilah pada diri sendiri untuk melakukan yang lebih baik bagi memperolehi hasil yang terbaik. Terima kegagalan sebagai asam garam dalam kehidupan.

Perbetulkan keadaan - Bentuk kembali pemikiran yang terganggu. Jangan anggap kegagalan sebagai pengakhir kepada segala usaha anda.

Lihat sesuatu perkara dalam pelbagai perspektif - Jadilah seorang yang kreatif dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Lihat sesuatu perkara dalam pelbagai perspektif agar anda dapat membuat perancangan yang lebih teliti untuk memperbaiki keadaan.



BERFIKIR SEJENAK...

Seseorang yang masuk kerja pukul 8:35 pagi sedangkan waktu mula kerja adalah 8:30 pagi sudah dikira lewat datang kerja TETAPI Jika seseorang itu sembahyang Zohor Pukul 2:00 petang atau 2:30 petang masih dikira awal waktu mengikut tafsiran umum sedangkan masuknya waktu Zohor di Semenanjung Malaysia adalah sekitar pukul 1 - 1:30 petang. Bukankah ini salah faham namanya?

Kita sangat sensitif dan terharu bila mendengar atau melihat ada ibubapa yang mendera fizikal anak-anak kecil dan membuang bayi merata-rata seperti sampah TETAPI kita jarang rasa sedih dan terharu bila ramai ibubapa yang mendera anak-anak secara maknawinya dengan tidak mendidik menjadi anak-anak yang soleh seperti mengenalkannya Allah, sembahyang, hormat orang tua, tutup aurat dan sebagainya agar tidak didera oleh malaikat di dalam kubur dan Neraka. Bukankah penderaan bentuk ini lebih meluas di serata dunia? Bukankah ini satu perbuatan buang anak juga iaitu buang anak dalam api neraka? Mana lebih hina buang anak dalam tong sampah atau buang anak dalam api Neraka? Anak yang di buang dalam tong sampah belum tentu masuk Neraka kalau dia hidup tapi anak yang tidak dididik dengan sempurna akan rosak hidupnya yang kesudahannya akan ke Neraka juga.



ISU SEMASA

Sebanyak 16,097 keping tiket raya KTMB masih belum dijual

KUALA LUMPUR 17 Sept.— Orang ramai yang ingin pulang ke kampung menjelang perayaan Aidilfitri ini tidak perlu bimbang untuk mendapatkan tiket kerana masih terdapat 16,097 tiket Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang masih belum dijual.

Malaysia bantu bebas dua tebusan Perancis

PARIS: Tentera Perancis berjaya menyelamatkan dua rakyat negara itu yang dijadikan tebusan oleh sekumpulan lanun perairan Somalia, dalam satu operasi nekad lewat kelmarin yang menyaksikan seorang lanun mati, manakala enam konconya dapat ditahan.

Kereta terbakar sembunyi bunga api

KOTA BHARU 16 Sept. - Garagara menyembunyikan mercun dan bunga api dalam bonet kereta, seorang lelaki mengalami kerugian lebih RM5,000 apabila kereta yang dipandunya terbakar di Kampung Bukit Merbau, Selising, Pasir Puteh, petang semalam. Mercun dan bunga api yang terbakar disambar bahang enjin menyebabkan letupan kuat dan mengejutkan orang ramai di sekitar.



AL QURAN PEMBIMBING UMAT

Maksud:

"Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak. Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merungsingkan." (Surah Maryam : 25 & 26)

Rasulullah juga pernah bersabda mengenai hal ini, sabdanya:

"Beri makan buah tamar kepada isteri-isteri kamu yang hamil dan barang siapa yang memakan buah tamar tersebut semasa hamilnya, maka anak yang akan lahir itu akan menjadi seorang anak yang penyabar dan bersopan-santun, kerana makanan Siti Maryam ketika melahirkan Nabi Isa AS adalah buah tamar. Sekiranya Allah ada menjadikan sesuatu buah yang lebih baik daripada tamar sudah tentu Allah telah memberikan (kepada Siti Maryam)."



HADITH

Sungguh banyak kelebihan makan sahur, selain mendapat keberkatan, juga akan mendapat selawat daripada Allah dan para malaikat. Dari Abi Sa'id Al-Khudri katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

"Sahur itu berkat, maka janganlah kamu meninggalkannya walaupun hanya dengan meneguk seteguk air kerana sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas orang-orang yang makan sahur."

(H.R. Ahmad)

Orang yang berpuasa di bulan Ramadhan akan mendapat minuman di akhirat ketika haus. Rasulullah s.a.w. bersabda :

"Aku melihat seorang lelaki dari umatku termengah-mengah kehausan, maka datanglah kepadanya Puasa Bulan Ramadhan lalu memberinya minum sampai hilang dahaganya."

